



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**MENYINGKAP USAHA PEMBASMIAN KEMISKINAN  
MELALUI SEKTOR PERTANIAN DI SABAH**

*REVEALING THE POVERTY ERADICATION EFFORTS THROUGH  
AGRICULTURE SECTOR IN SABAH*

Romzi Ationg<sup>1\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>2\*</sup>, Mohd Azri Ibrahim<sup>3\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>4\*</sup>, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>5</sup> & Sharifah Darmia Sharif Adam<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [mrationg@ums.edu.my](mailto:mrationg@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [msohaimi@ums.edu.my](mailto:msohaimi@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [mohdazri@ums.edu.my](mailto:mohdazri@ums.edu.my)

<sup>4</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [irma@ums.edu.my](mailto:irma@ums.edu.my)

<sup>5</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [mnhidayath\\_h@ums.edu.my](mailto:mnhidayath_h@ums.edu.my)

<sup>6</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah

Email: [shdarmia@ums.edu.my](mailto:shdarmia@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

**To cite this document:**

Ationg, R., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Othman, I. W., Hajimin, M. N. H. H., & Adam, S. D. S. (2021). Menyingkap Usaha Pembasmian Kemiskinan Melalui Sektor Pertanian di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 186-199.

**Abstrak:**

Usaha membasmi kemiskinan melalui sektor pertanian merupakan salah satu agenda yang amat penting di Sabah. Bagi memahami hal ini maka adalah wajar sekiranya penelitian tentang sejarah pembasmian kemiskinan di Sabah dilakukan. Sehubungan itu, kertas kerja ini membincangkan usaha pembasmian kemiskinan di Sabah berdasarkan penelitian dokumen seperti buku, laporan rasmi kerajaan, jurnal dan laporan akhbar. Berdasarkan informasi yang diperolehi daripada sumber tersebut maka adalah didapati bahawa usaha pembangunan ekonomi luar bandar di Sabah melalui sektor pertanian telah menjadi tumpuan sama ada kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan. Hal ini dilakukan berikutan keperluan untuk memastikan rakyat Sabah mampu meningkatkan taraf hidup, khususnya dari segi kesejahteraan sosio-ekonomi kerana penduduk negeri ini yang sering dikaitkan dengan isu kemiskinan.

DOI: 10.35631/IJLGC.6230013.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Sabah; Borneo Utara; Masyarakat Luar Bandar; Pembasmian Kemiskinan; Pertanian Kontrak

**Abstract:**

Poverty eradication through the agricultural sector has been one of the most important agendas in Sabah. To understand this matter, an examination of poverty eradication history in Sabah is immensely valuable. Accordingly, by examine the documents such as books, official government reports journals, and newspapers, this paper discusses the poverty eradication efforts in Sabah. Based on the information obtained, it shows that the rural areas' economic development in Sabah through the agricultural sector has been the focus of both the state and the federal governments. This was carried out due to the need of ensuring the people of Sabah be able to improve their standard of living, particularly in terms of socio-economics well-being as they generally linked with the issue of poverty.

**Keywords:**

Sabah; North Borneo; Rural Society; Poverty Eradication; Contract Farming

**Pengenalan**

Sabah yang disebut selama berdekad oleh masyarakat luar sebagai Borneo Utara merupakan sebuah wilayah yang semakin membangun. Selaras dengan hakikat bahawa wilayah ini mempunyai keluasan iaitu 73,620 kilometer persegi (Malaysia, 2001; Malhi, 2000; Ationg, Guinness, Ibrahim, Esa, A. Rahman, Hiew & Tung Moi, 2020; Ationg & Guinness, 2020), terletak bersempadan dengan negara jiran seperti Indonsea dan Filipina, serta kaya dengan sumber alam maka sudah semestinya peluang pembangunan berasaskan pertanian dapat dikaitkan dengan Sabah. Malahan usaha pembasmian kemiskinan melalui sektor pertanian merupakan tumpuan kerajaan Sabah sejak berdekad lamanya. Sehubungan itu, bagi membincangkan tentang perkara ini, maka wajar sekiranya dibincangkan secara ringkas sejarah pentadbiran Sabah.

**Sejarah Ringkas Pentadbiran Sabah**

Sejarah urustadbir Sabah dapat ditelusuri sehingga ke era dengan beberapa wilayah atau kawasan di Sabah masih lagi merupakan sebahagian daripada kerajaan Kesultanan Brunei. Pada masa itu, wilayah Brunei di utara pulau Borneo ini disebut sebagai 'Saba'. Sementara wilayah di barat daya teluk Brunei pula diberi nama 'Hulu' (dikenali sebagai Sarawak sekarang). Sultan Brunei seterusnya dihabarkan telah menyerahkan utara Borneo, dari Sungai Kimanis hinggalah ke Sungai Sebuku, kepada Kesultanan Sulu sebagai balasan sekiranya mendapat pertolongan menangani perang saudara pada abad ke-17. Walaupun 'pemberian' seperti itu segera ditolak oleh Brunei berikutan kegagalan Kesultanan Sulu menunaikan janji tersebut. Namun, Kesultanan Sulu tetap mengemukakan tuntutan ke atas Borneo utara dan menetapkan penguasaan di kawasan pesisir timurnya. Di sebalik tuntutan berpanjangan ini, Brunei masih mempunyai penguasaan *de-jure* di seluruh bahagian Borneo utara yang terbentang dari Teluk Brunei di sebelah barat Sebuku ke timur Borneo di sepanjang kawasan pesisir pantai dengan menjalankan aktiviti ekonomi *de-facto* melalui sistem 'Sungai'. Sistem ini adalah satu mekanisme berkesan yang membolehkan kesultanan menjalankan kekuasaan di kawasan yang luas di barat laut Borneo sehinggalah kedatangan Inggeris (Kurus, 1994).

Ketika pihak Inggeris tiba di Sabah, mereka telah memutuskan untuk tidak mencampuri urusan agama dan budaya setempat, atau secara khususnya anak negeri yang berkemungkinan berasaskan pengalaman mereka di Tanah Melayu sebelumnya. Sebaliknya, mereka berusaha untuk bekerjasama atau mewujudkan sekutu mereka daripada kalangan pemimpin setempat dengan memperkenalkan sistem pentadbiran peringkat kampung dengan susun atur pentadbiran mereka. Dalam hal ini, pihak British memberi pengiktirafan sepenuhnya kepada kewibawaan dan kuasa Mahkamah Anak Negeri sebagai sebahagian daripada jentera kehakiman dalam pentadbiran mereka dengan mahkamah anak negeri yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1884 di daerah Putatan. Bagi menambahbaik lagi pentadbiran di peringkat tempatan, C.W.C. Parr, Gabenor Borneo Utara, telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri (MPKAN) pada tahun 1915 bagi memastikan pelaksanaan dasar British yang lebih berkesan terhadap penduduk setempat. Walau bagaimanapun, majlis ini bukanlah institusi yang dianggap signifikan peranannya kerana akhirnya terpaksa ditamatkan pada tahun 1917. Namun pada tahun 1935, institusi ini ditubuhkan semula sehingga era penjajahan Jepun di Sabah.

Sabah seterusnya menjadi jajahan mahkota British pada tahun 1946 apabila Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBC) menyerahkan pentadbiran Sabah kepada Kerajaan British selepas era penjajahan Jepun (Kurus, 1994). Pada tahun 1963, Sabah mencapai kemerdekaan dan kemudian menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Sejajar dengan itu, pentadbiran Sabah setelah bebas daripada penguasaan British telah dibahagikan kepada empat residensi iaitu residensi Pantai Barat, residensi Pedalaman, residensi Sandakan dan residensi Tawau. Sementara dari segi populasi, terdapat 63.7% daripada penduduk Sabah adalah umat Islam, Kristian (27.8%) dan agama lain (8.5%) (Malaysia, 2001). Secara umumnya, dari segi maklumat kemiskinan yang dilaporkan bahawa lima daerah di Sabah disenaraikan sebagai daerah yang dihuni oleh isirumah yang berada di bawah garis kemiskinan. Daerah yang dimaksudkan adalah meliputi Kota Belud (1,428 keluarga), Kota Marudu (1,343 keluarga), Pitas (1,135 keluarga), Kudat (1,032 keluarga) dan Nabawan (935 keluarga). Kesemua daerah ini secara signifikan dihuni oleh masyarakat tani yang memiliki sebidang tanah dalam skala kecil-kecilan dan berpendapatan rendah. Pendapatan rendah ini menyebabkan mereka sering berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran pertanian, serta sumber daya yang berkaitan dengan kebolehubahan persekitaran yang luar biasa, iklim yang buruk dan bekalan atau sumber air yang sering tidak menentu (Rahmah, 2004).

### **Pembangunan Ekonomi Sektor Luar Bandar dan Pertanian**

Sebagaimana Semenanjung Malaysia dan Sarawak, pembangunan sektor luar bandar dan pertanian telah menjadi perhatian utama kerajaan Sabah. Malahan hal ini telah menjadi tumpuan dalam dasar awam di Sabah. Dalam pada itu, komitmen kerajaan dalam aspek pembangunan luar bandar memperlihatkan dengan ketara tentang hakikat bahawa adanya kecederungan kerajaan terhadap usaha memastikan terdapatnya perubahan minat petani daripada sektor pertanian tradisional kepada sektor pertanian berasaskan ekonomi atau moden. Ini terbukti berikutan pengenalan pelbagai dasar dan strategi pembangunan yang disenaraikan dalam rancangan pembangunan lima tahun, serta terdapat peningkatan peruntukan perbelanjaan pembangunan awam. Keadaan ini sudah semestinya berpunca daripada keperluan untuk memastikan terdapat perubahan positif dalam sektor dalam pertanian dan ekonomi luar bandar yang antara lainnya menekankan tentang usaha menangani masalah kemiskinan. Tambahan pula, keadaan seumpama ini adalah selaras dengan anggaran 70% daripada penduduk masih lagi bergantung kepada sektor pertanian. Malahan, kerajaan Sabah juga masih

bergantung kepada sumbangan sektor pertanian dalam usaha memastikan ekonomi kerajaan negeri terus kukuh (Zulkifly, 1992).

Pembangunan sektor pertanian dan desa di Sabah dianggap sebagai satu pendekatan efektif yang dapat mempermudah proses transformasi struktur dan pertumbuhan ekonomi pertanian dan masyarakat luar bandar, meningkatkan kesejahteraan penduduk desa secara umum dan masyarakat petani khususnya, serta menggalakkan perubahan sikap dan tingkah laku dalam kalangan masyarakat luar bandar (Kurup, 1988). Transformasi masyarakat luar bandar dalam hal ini dianggap sebagai proses perubahan struktur masyarakat luar bandar, refleksi pembasmian kemiskinan dan usaha menangani pelbagai permasalahan yang wujud dalam sektor desa dan pertanian. Menyedari hakikat bahawa pembangunan pertanian adalah penting untuk membangunkan kawasan luar bandar dan memulakan proses transformasi ke arah masyarakat desa yang lebih berdaya maju, maka teras pembangunan perlu menumpukan kepada usaha ke-arah penambahbaikan sektor pertanian secara berterusan. Malahan, transformasi masyarakat berasaskan pertanian luar bandar melalui kepelbagaian dan intensifikasi pertanian dan aktiviti luar bandar yang berkaitan telah menjadi salah satu strategi penting yang diterapkan di banyak negara membangun. Tambahan pula, pembangunan sektor pertanian mempunyai keupayaan untuk mengubah masyarakat luar bandar menjadi masyarakat agraria dengan struktur sosial yang berbeza berbanding dengan masyarakat luar bandar yang lain, tanpa kaedah pengeluaran pertanian yang lebih moden. Struktur sosial dalam konteks ini merujuk kepada hubungan sosial, jantina, ekonomi, populasi dan struktur keluarga (Macionis, 1997; Heer & Grigsby, 1992; Sarris & Shams, 1991). Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya rancangan pembangunan Sabah biasanya berorientasikan pembangunan pertanian dan desa. Hal ini juga berasaskan kepada hakikat bahawa ekonomi Sabah didorong kuat oleh kekayaan sumber daya alam dengan pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, akuakultur, ternakan, tanaman makanan (padi), kelapa sawit, getah, jagung, pemeliharaan lebah, pembuatan moden dan munculnya teknologi tinggi baru kini mengubah Sabah menjadi ekonomi yang lebih berasaskan pertanian. Oleh itu, agenda pembangunan seumpama ini telah membawa kepada transformasi masyarakat desa menjadi masyarakat agraria baru yang sebahagiannya dipermudahkan oleh pelaksanaan sistem pertanian kontrak. Pelaksanaan sistem ini kemudiannya menjadi salah satu elemen penting dalam pembangunan masyarakat desa.

### **Struktur Sosial Masyarakat Luar Bandar di Sabah**

Sabah dihuni oleh sebahagian besar masyarakat pertanian luar bandar dengan anggaran lebih 60% penduduk tinggal di pinggir luar bandar, serta bergantung dengan sektor pertanian sebagai sumber kehidupan utama mereka. Sabah juga dicirikan oleh keadaan masyarakat multi etnik dengan budaya tradisional dan corak sosial masing-masing, mengamalkan unit sosial asas di kampung-kampung dengan keluarga yang biasanya terdiri daripada rumah tangga patrilineal. Selain itu, masyarakat desa di Sabah secara amnya dicirikan oleh hubungan kekeluargaan yang erat apabila kehidupan keluarga lebih dihargai berbanding dengan pencapaian individu. Kekananan berasaskan usia adalah ciri penting masyarakat luar bandar di Sabah dengan lelaki sulung dalam keluarga sering mendapat tempat terbaik dalam keluarga. Anggota keluarga yang terdiri daripada anak-anak, ibu bapa, datuk nenek dan saudara-mara yang lain, diberi perhatian mengikut pangkat/kedudukan tradisional mereka. Golongan lelaki memikul peranan sebagai ketua rumah tangga dan wanita mengambil tanggungjawab utama untuk menjaga anak-anak. Walaupun keluarga besar dalam sesebuah rumah, tetapi masih membantu mengurus anak dalam keluarga. Golongan wanita yang telah berkahwin juga diharapkan berpindah ke rumah keluarga suaminya dan bergantung sepenuhnya kepada suaminya dalam pelbagai aspek termasuklah ekonomi (Fortmann, 1990). Wanita juga tidak mempunyai

keutamaan dalam pemilikan tanah kerana kepercayaan bahawa wanita ketika berkahwin akan meninggalkan ibu bapa mereka untuk melayani suami mereka yang diberi kepercayaan untuk menyediakan keperluan mereka.

Menurut Mohd Yusoff Kadim dan Berma (2003), masyarakat luar bandar di Malaysia (termasuk Sabah) sebenarnya memiliki banyak aset seperti tanah dan air (modal fizikal) dan ikatan sosial yang kuat (modal sosial), tetapi sering kekurangan pendidikan dan kemahiran (modal insan) dan organisasi untuk menggerakkan sumber semula jadi mereka menjadi sumber ekonomi. Walaupun terdapat modal sosial (kepercayaan, hubungan sosial, dan jaringan) yang merupakan petunjuk penting dalam usaha menangani masalah kemiskinan, jaringan kekeluargaan yang lebih besar adalah faktor penting untuk memenuhi keperluan pekerja ladang. Penduduk kampung mengumpulkan sumber daya mereka secara berkala dan bekerjasama (gotong-royong) untuk melaksanakan projek pembangunan di peringkat kampung seperti membina balai raya (Mai, 1994). Wilson (1967) dalam kajiannya mengenai masyarakat luar bandar Melayu mendapati bahawa kehidupan desa paling baik dicirikan oleh hubungan sosial antara penduduk kampung yang saling berkait atau berhubungungan secara harmoni. Firth (1966) berpendapat bahawa sebuah kampung, walaupun bukan unit pentadbiran atau unit keagamaan, berfungsi sebagai unit sosial yang memupuk atau memelihara tahap perpaduan dan kejiranan dalam kalangan penduduknya. Walaupun pertanian secara tradisional termasuk antara pekerjaan yang paling diingini, penduduk kampung sering mendorong anak-anak mereka untuk pergi mencari pekerjaan di sektor perkhidmatan awam atau peluang pekerjaan bukan pertanian. Penghijrahan individu selalunya merupakan satu keputusan keluarga dan strategi ekonomi yang penting dan biasanya dalam kebanyakan keadaan, ia berfungsi sebagai strategi untuk menjana pendapatan atau simpanan tunai sekiranya berlaku krisis ekonomi dalam keluarga. Keluarga desa juga mendorong anak-anak mereka terlibat dengan pekerjaan sebagai pegawai negeri sebagai alat untuk mengukuhkan atau meningkatkan status keluarga dan politik.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat perubahan besar dalam teknologi pertanian sebagai akibat daripada usaha masyarakat global mahupun setempat untuk membangunkan sektor pertanian di kawasan luar bandar di Sabah secara lebih agresif. Pada amnya, penduduk kampung selalu menerima teknologi pertanian baharu yang menjanjikan kemungkinan peningkatan taraf hidup mereka. Maka seiring dengan penerapan teknologi ini, Marten (1990) berpendapat bahawa sewajarnya telah berlaku transformasi kehidupan penduduk luar bandar di Sabah. Namun, petani atau penduduk luar bandar negeri ini masih kekal dengan ciri asal kehidupan mereka yang biasanya melibatkan diri dengan pertanian sara diri sahaja. Malahan sesuatu yang lumrah bagi golongan belia akan meninggalkan komuniti luar bandar mereka untuk ke bandar bagi tujuan pendidikan, prospek pekerjaan dan peluang sosial yang lebih baik. Di samping itu, sebagaimana menurut Bryden (2000), penduduk kampung 'berhijrah' ke luar lebih kerap apabila terdapat hasil pertanian yang lebih rendah yang dituai atau pendapatan dijana amat tidak menggalakkan. Penghijrahan keluar ini dalam jangka panjang akan memberi kesan negatif kepada ekonomi desa, terutamanya pengeluaran pertanian yang kemungkinan akan mengalami kekurangan tenaga kerja. Pada masa yang sama, ketika ekonomi pertanian luar bandar terjejas teruk, kadar kemiskinan luar bandar yang sememangnya tinggi kemungkinan besar akan terus meningkat. Justeru itu, pengkomersialan sektor pertanian di kawasan luar bandar boleh dianggap sebagai jalan penyelesaian terbaik untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar dan membawa perubahan daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat agraria moden.

### **Pembasmian Kemiskinan Luar Bandar Melalui Sektor Pertanian di Sabah**

Sebarang kejayaan dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat yang dinikmati oleh sebuah negara (Mohd Yaakub, 1991). Ini menggambarkan hakikat bahawasanya wujud hubungkait langsung antara pertumbuhan ekonomi dan masalah kemiskinan yang menuntut pihak kerajaan memainkan peranan yang signifikan dalam usaha menangani masalah berkaitan. Menurut Zulkifly (1989) dan Yapp, Ooi dan Gill (1988) masalah kemiskinan di Sabah secara konsisten dilihat sebagai masalah luar bandar. Walaupun kelazimannya merentasi garis etnik dan sektoral, isu kemiskinan didapati paling tinggi dan paling menonjol di kawasan luar bandar di Sabah. Kewujudan kemiskinan semakin meluas terutamanya di sektor pertanian tradisional dan ekonomi luar bandar sara hidup sejak era BNBC. Kurangnya perubahan ekonomi yang berkesan dalam sektor ini, pembangunan polarisasi dengan keuntungan terhad yang melampaui wilayah, serta kelewatan usaha melemahkan tumpuan penduduk kepada pertanian tradisional dan sara hidup serta aktiviti luar bandar yang berkaitan pada dekad pertama kemerdekaan tidak banyak membantu dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan (Ishak, 1995). Pada akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an pula, penduduk luar bandar di Sabah pada amnya hidup dalam kemiskinan. Dengan menggunakan kadar pendapatan isi rumah bulanan sebanyak RM280.00 sebagai ukuran kemiskinan, terdapat lebih 90% isi rumah miskin di Sabah berada di kawasan luar bandar dengan lebih 70% terlibat dalam pekerjaan pertanian, perhutanan dan perikanan (Sabah, 1995).

Zulkifly (1989) turut melaporkan bahawa walaupun isu kemiskinan semakin berleluasa, namun masalah ini masih tertumpu dalam kalangan petani di kawasan luar bandar yang terlibat dengan tanaman sara hidup dan tanaman pindah. Kumpulan etnik utama yang terlibat dalam sektor pertanian tradisional dan ekonomi luar bandar merupakan etnik Kadazan-Dusun dengan kadar kemiskinan tertinggi iaitu 64.2%. Masalah kemiskinan juga dilaporkan tinggi dalam kalangan masyarakat Bajau dan Melayu di kawasan luar bandar di Sabah. Namun, sejak beberapa dekad yang lalu, terutamanya sejak akhir tahun 1970-an, kadar kemiskinar isirumah di kawasan luar bandar mengalami penurunan daripada 36.8% pada tahun 1993 menjadi 32.4% pada tahun 1995 dan 27.7% pada tahun 2000 (Sabah, 2001). Sebagaimana menurut Mohd Yaakub (1991), penurunan ini sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkembangan dalam sektor pertanian apabila pihak kerajaan mula menekankan kepentingan peluasan kawasan pertanian berasaskan peladangan di Sabah. Usaha mengurangkan kadar kemiskinan melalui pengurangan kebergantungan kepada sistem pertanian sara diri dalam kalangan penduduk luar bandar mewajarkan tindakan seumpama ini kerana tanpa berbuat demikian maka sudah pastinya masalah kemiskinan akan tetap menguasai Sabah. Masalah kemiskinan di kawasan luar bandar di Sabah, menurut Gunting & Khoo (1991), bertambah kritikal lagi oleh beberapa faktor berikut:

- Tanah terbiar tidak digunakan di kawasan luar bandar kerana kurangnya kesedaran, pengetahuan teknikal, pasaran dan modal. Dianggarkan 1.4 juta hektar tanah dengan potensi pertanian yang tinggi masih belum dikembangkan di Sabah;
- Amalan dan adat pertanian tradisional menyumbang kepada halangan kemajuan; dan
- Kegiatan pembalakan mendatangkan kesan buruk kepada gaya hidup tradisional luar bandar, terutamanya bagi mereka yang terlibat dengan kegiatan ekonomi sara diri melibatkan pertanian, penangkapan hasil sungai dan aktiviti pemburuan.

Oleh itu, kemiskinan luar bandar, jika tidak ditangani dalam jangka masa panjang akan menyebabkan bukan hanya masalah ekonomi, tetapi juga ketidakstabilan sosio-politik di Sabah. Secara khususnya, hal ini akan menyebabkan penghijrahan desa-bandar pada skala yang membimbangkan, serta membawa kepada implikasi kepadatan penduduk di kawasan bandar besar dan ketidakseimbangan kadar penawaran dan permintaan pekerjaan yang meningkat. Penurunan penduduk luar bandar seterusnya boleh menyebabkan penurunan produktiviti dan penggunaan sumber daya bagi kawasan luar bandar. Maka untuk mengurangkan kemiskinan di luar bandar, kerajaan Sabah harus melakukan pelbagai program pembangunan untuk meningkatkan produktiviti desa, membuka tanah terbiar untuk pertanian dan memastikan berlaku peningkatan taraf kemahiran teknikal para petani serta memambahbaik prasarana.

### **Pengkomersialan Sektor Pertanian di Sabah**

Penekanan yang diberikan oleh kerajaan Sabah terhadap usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui sektor pertanian telah mewujudkan peluang pemodenan masyarakat luar bandar yang sewajarnya. Pembangunan pertanian *in-situ*, aktiviti luar bandar yang berkaitan, pembangunan tanah berskala besar dan pembangunan infrastruktur dan institusi sosioekonomi serta perkhidmatan sokongan pertanian secara amnya mendorong proses penyusunan semula struktur sektor pertanian tradisional telah memudahkan peralihan secara beransur-ansur dalam aktiviti pengeluaran daripada sara diri ke pertanian moden. Peningkatan akses terhadap pelbagai perkhidmatan kepakaran berkaitan pertanian dan penyediaan prasarana asas di kawasan luar bandar juga dijadikan sebagai elemen terpenting dalam hal ini (Zulkifly, 1989).

Program pembangunan yang melibatkan pelaburan daripada pihak kerajaan yang agak besar dalam sektor pertanian adalah merupakan usaha transformasi secara beransur-ansur sektor pertanian tradisional dan ekonomi luar bandar yang biasanya bersifat sara diri. Orientasi pengeluaran bersifat lebih berdaya maju sektor pertanian di kawasan luar bandar telah menunjukkan senario baru dalam corak penggunaan tanah dan aktiviti ekonomi dalam ekonomi berasaskan pertanian di Sabah. Hal ini telah disumbangkan oleh usaha berterusan dalam aspek pengembangan dan peningkatan sumber daya tanah. Berikutan pengembangan dan peningkatan sumber daya tanah seperti kelapa sawit, getah, ternakan dan tanaman makanan (padi), penduduk luar bandar pada dasarnya telah berubah daripada sistem penanaman sara diri kepada kaedah pengeluaran tani secara lebih berdaya maju. Perkembangan ini bertepatan dengan penyusunan semula struktur pertanian tradisional dan ekonomi luar bandar secara intensif dan kepelbagaian tanaman bernilai ekonomi. Ini dilengkapi dengan peningkatan infrastruktur dan perkhidmatan kepakaran, penyediaan sokongan atau bantuan input modal dan teknikal, serta peningkatan teknologi yang ketara (Sinajin & Uebelhor, 1996).

Satu lagi bidang transformasi ekonomi yang membawa kepada perubahan berstruktur dalam sektor pertanian tradisional dan ekonomi luar bandar di Sabah adalah pembangunan tanah berskala besar. Ini melibatkan pembukaan tanah berskala luas untuk pembangunan pertanian bagi golongan pekebun kecil. Kawasan pembangunan tanah ini biasanya disusun mengikut kaedah tertentu dengan corak pengeluaran ladang yang tertumpu pada 'pengeluaran khusus', terutamanya kelapa sawit, getah dan koko. Program pembangunan ini menerapkan dimensi struktur baharu dalam kegiatan pertanian seperti memberikan pemilikan ladang 'berskala ekonomi' untuk mewujudkan pekerjaan yang produktif dan berkemampuan meningkatkan keupayaan untuk memperoleh tahap pendapatan yang sewajarnya kepada yang mengambil bahagian dalam kalangan masyarakat luar bandar. Sebagai operasi produksi berskala besar, perluasan tanah memberi peluang kepada peningkatan keuntungan dalam skala ekonomi.

Pembangunan pertanian *in-situ* ini juga memudahkan transformasi struktur dan pemodenan dalam sektor pertanian tradisional dan ekonomi sara diri penduduk luar bandar, terutamanya melalui pembangunan sistem pengairan dan saluran, intensifikasi pengembangan pertanian di ladang, kepelbagaian kegiatan produksi pertanian, dan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan pertanian. Maka sudah semestinyanya perlu ditegaskan bahawa pembangunan pertanian *in-situ* telah memungkinkan pengeluaran tani berganda dan ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk luar bandar di Sabah (Zulkifly, 1989).

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa usaha seumpama ini tidak dapat dilaksanakan tanpa adanya sumbangan pelbagai pihak atau agensi pembangunan. Antara agensi pembangunan yang terlibat dalam membangunkan Sabah adalah Lembaga Tabung Getah Sabah (SRFB), Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Industri Haiwan (DOVSAI), Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS), Lembaga Padi Negara (LPN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Kerjasama Pembangunan Luar Bandar (RDC), Lembaga Koko Malaysia (CMB), Lembaga Pemasaran Sabah (SAMA), Lembaga Persatuan Petani (FAB), Lembaga Pembangunan Tanah Sabah (SLDB), Bank Pertanian (BP), dan pelbagai syarikat swasta (Golingi & Ismail, 1988). Agensi-agensi pembangunan ini telah digunakan oleh kerajaan Sabah dan kerajaan Persekutuan bagi mencapai objektif utama iaitu memacu pembangunan mapan di Sabah.

Oleh itu, pihak kerajaan telah melakukan usaha penyusunan semula struktur dan amalan pengeluaran secara beransur-ansur ke arah pemodenan teknik pertanian dan peralihan daripada aktiviti pengeluaran sara hidup dengan produktiviti rendah kepada inisiatif produktiviti tinggi secara integratif. Ini menggambarkan bahawasanya amalan pengeluaran tradisional secara beransur-ansur telah diganti dengan amalan moden. Sementara aktiviti pertanian bernilai komersial dan ekonomik telah ditingkatkan untuk menambah produktiviti dan pendapatan dalam kalangan masyarakat luar bandar. Usaha penambahbaikan ini, khususnya dalam aspek amalan pertanian tradisional masih dilihat sebagai aktiviti ekonomi utama di Sabah. Walaupun amalan pertanian secara moden terbukti mampu menjadi penyelesaian kepada masalah kemiskinan di luar bandar, tetapi golongan penduduk luar bandar atau para petani masih belum sepenuhnya terlibat dengan amalan pertanian yang lebih moden. Ini bermakna, pemodenan sektor pertanian masih belum menjadi aktiviti ekonomi utama masyarakat luar bandar sekalipun pelbagai pihak telah mengenalpasti faktor kekangan usaha memastikan sektor pertanian lebih moden dapat dijayakan. Justeru itu, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, usaha pembangunan yang berterusan dalam aspek pertanian dilakukan oleh pihak kerajaan, khususnya kerajaan Sabah melalui pengenalan sistem pertanian kontrak.

### **Pertanian Kontrak di Sabah**

Penggunaan sistem pertanian kontrak dengan cepat mendapat tarikan sebagai wahana untuk membangunkan kawasan luar bandar di Malaysia. Ini dapat disesuaikan dengan keperluan tempatan dan memberikan manfaat tertentu, khusus untuk masyarakat bersasar seperti petani di kawasan luar bandar (Mansur & Ationg, 2009). Tambahan pula, sistem pertanian kontrak berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi para pekebun kecil dan seterusnya mengubah masyarakat luar bandar menjadi sebuah penempatan yang lebih maju berbanding sebelumnya. Pelaksanaan sistem atau program pertanian kontrak untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk luar bandar, khususnya golongan petani di Sabah berdasarkan kepada keyakinan pihak kerajaan bahawa peserta akan mendapat manfaat ekonomi, terutamanya dalam aspek pengagihan pendapatan (Gunting & Khoo, 1991). Pekebun kecil Sabah diandaikan akan



mendapat manfaat daripada sistem ini dan dalam proses tersebut juga mereka mampu untuk meningkatkan taraf hidup apabila memiliki pendapatan yang sewajarnya, mempunyai simpanan, pemilikan harta tanah, pekerjaan keluarga, dan pembangunan keusahawanan. Semua ini dapat direalisasikan dengan sistem pertanian kontrak yang memberi laluan atau peluang kepada pemasaran hasil tanaman secara lebih sistematik, penggunaan teknologi baru, pengurusan risiko yang lebih baik, serta memberi peluang pekerjaan kepada anggota keluarga mereka sendiri.

Sehubungan itu, pelaksanaan sistem pertanian kontrak di Sabah secara rasminya mula dilaksanakan melalui Dasar Pertanian Nasional 1992-2010 (DPN) yang dilancarkan pada Februari 1993. DPN 1992 ini telah diperkenalkan bagi menggantikan DPN 1984. Perbezaan yang ketara antara kedua-dua versi dasar pertanian nasional ini apabila, tidak sepertimana DPN 1984, DPN 1992 tidak berorientasikan penghijrahan luar bandar, tetapi sebaliknya lebih memfokuskan kepada usaha mempergiatkan program pembangunan sumber manusia untuk golongan belia luar bandar. Selaras dengan tujuannya untuk meningkatkan kecekapan di sektor pertanian, DPN 1992 mengusulkan agar kredit pertanian hanya ditawarkan dengan syarat komersial dan subsidi (kecuali yang diperuntukkan bagi penanam padi). Dasar ini juga mengusulkan supaya kaedah tersebut harus dihentikan secara berperingkat-peringkat. Kerajaan juga secara berperingkat menarik diri daripada memberikan perkhidmatan pemprosesan dan pemasaran dengan harga bersubsidi. Walau bagaimanapun, kerajaan masih diperlukan untuk memberikan perkhidmatan kepakaran dengan diperluaskan kepada aspek latihan bagi golongan petani dan usahawan luar bandar. Justeru, di bawah DPN 1992, kerajaan digalakkan untuk menarik diri daripada aktiviti asas berkaitan pembukaan tanah dan menggalakkan pihak swasta untuk memainkan peranan tersebut. Bagi memudahkan pihak swasta memainkan peranan yang lebih besar, maka kerajaan Malaysia secara beransur-ansur memberikan kelonggaran peraturan berkaitan kontrak pertanian, serta melonggarkan peraturan berkaitan pemasaran hasil pertanian (Sivalingam, 1993).

### **Strategi Pelaksanaan**

Dasar Pertanian Negeri Sabah (DPNS, 1992-2010) juga mempunyai peranan penting dalam usaha mempromosikan, serta pelaksanaan sistem pertanian kontrak di Sabah. Menurut Yapp, Abd. Rahman, Shim dan Yeo (1999), dengan tujuan yang difokuskan kepada usaha meningkatkan pengeluaran pertanian bagi memenuhi matlamat yang ditetapkan dalam DPNS (pencapaian 100%), kerajaan Sabah telah menerapkan strategi berikut:

- Memaksimumkan kecekapan aktiviti pertanian yang sedia ada;
- Memperbaiki dan meningkatkan kemudahan yang sedia ada seperti pengairan dan saliran;
- Menyediakan kemudahan pertanian seperti pengairan, saliran, jalan dan jambatan (jika belum ada);
- Memperbaiki dan menaiktaraf infrastruktur di kawasan ladang yang sedia ada seperti jalan ladang dan jambatan (ini membolehkan penggunaan kenderaan ladang, traktor dan jentera pertanian);
- Memperkukuh dan memperkemas koordinasi antara pelbagai agensi, jabatan dan pihak berkuasa;
- Meningkatkan pengeluaran ke tahap komersial dan memastikan petani menerima input seperti traktor, penuai gabungan, benih dan baja hasil tinggi, latihan, nasihat dan pengawasan yang berkaitan dengan pelbagai peringkat aktiviti pertanian;
- Meningkatkan kecekapan dan produktiviti;

- Mendidik, mendorong dan membantu petani dalam menggunakan kaedah moden;
- Meneruskan subsidi kos pengeluaran;
- Memperkukuhkan perkhidmatan peningkatan pemindahan hasil penyelidikan dan teknologi ladang kepada petani;
- Memperhebat dan memperluas penyelidikan dan pembangunan yang merangkumi kepelbagaian hasil pengeluaran pertanian yang tinggi, amalan agronomi dan budaya, dan kawalan perosak dan penyakit;
- Membantu petani secara individu atau berkelompok untuk memiliki dan mengendalikan mesin ladang;
- Memperkenalkan dan mengembangkan teknologi dan mekanisasi yang sesuai untuk memenuhi keadaan pengeluaran pertanian tempatan;
- Mendidik petani mengenai kepentingan dan cara pengurusan sumber pertanian yang sesuai;
- Menggunakan sumber tanah;
- Mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk komoditi terpilih untuk penanaman komersial skala besar;
- Mendapatkan kepakaran khidmat nasihat dan bantuan daripada kerajaan Persekutuan untuk memajukan kawasan terpilih;
- Menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih meluas;
- Mendorong penyertaan luas sektor swasta dalam aktiviti pertanian komersial;
- Mewujudkan persekitaran yang kondusif yang akan mendorong dan memudahkan sektor swasta menceburkan diri dalam sektor perkhidmatan sokongan terutamanya dalam perkhidmatan kontrak; dan
- Mendorong organisasi berkaitan pertanian untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggerakkan dan mengatur para petani untuk menceburkan diri dalam penanaman komersial melalui pertanian kelompok atau sistem pengeluaran ladang mini.

Di bawah program pertanian kontrak, hak milik tanah masih lagi diletakkan atas nama petani berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang setempat. Namun, menurut DPN 1992, tugas untuk mengubah pertanian menjadi usaha *agrobusiness* dan komersial yang dinamis dan kompetitif di pasaran dunia dan tempatan turut melibatkan peranan sektor swasta. Oleh itu, segala insentif, peraturan dan strategi kontrak yang dilaksanakan seharusnya menumpukan kepada matlamat membangun dan memacu pertumbuhan dan pengembangan sektor pertanian (Kementerian Pertanian, 1993). Ini kerana Warning dan Wendy (2000) menegaskan bahawa kesan pertanian kontrak terhadap taraf hidup bergantung kepada siapa yang mengambil bahagian dalam skema dan faedah yang diperoleh daripada penyertaan ini. Justeru itu, sistem pertanian kontrak ini berfungsi sebagai koordinasi diantara agen-agen pembangunan atau perniagaan yang juga dipanggil syarikat (kontraktor) dan para petani (peserta) yang bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan tanaman. Sementara pihak prinsipal berperanan sebagai pihak yang menentukan dengan siapa mereka bekerjasama, serta menetapkan syarat kontrak dengan para petani (Warning & Wendy, 2000).

**Jadual 1: Profil Penglibatan dalam Pertanian Kontrak di Sabah**

Komoditi	Bilangan Penglibatan		Agensi	Lokasi
	2002	2003		
Getah	1630	2911	SRFB & FELDA	Kudat, Matunggong, Pitas, Kota Marudu, Tuaran, Kota Belud, Sipitang, Papar, Tamparuli, Beaufort, Moyog, Telupid, Ranau, Matunggong
Minyak Kelapa Sawit	840	840	RDC, FELCRA & FELDA	Siantan, Beaufort, Matunggong, Pitas, Kudat, Kota Marudu
Pemeliharaan Lebah	292	101	RDC	Kudat, Matunggong, Kota Marudu, Pitas
Jagung Manis	198	134	RDC	Kudat, Kota Marudu, Pitas, Hilir Kinabatangan
Padi/Beras	886	1490	RDC & FAB	Kota Marudu, Kota Belud, Papar, Beaufort, Tuaran, Kudat, Pitas, Keningau Penampang
Kecacang	97	84	RDC	Pantai Barat, Beaufort
Cendawan	22	20	RDC	Kota Belud, Kundasang, Moyog
<b>Jumlah</b>	<b>3855</b>	<b>5570</b>		

Sumber: Rural Development Corporation (2004); Lembaga Pertubuhan Peladang (2003).

Para petani mempunyai pilihan sama ada mengambil bahagian atau sebaliknya dalam sistem pertanian kontrak ini. Bagi petani yang mengambil keputusan untuk berbuat demikian, maka kejayaan pertanian kontrak yang mereka sertai biasanya akan mendatangkan manfaat. Namun demikian, manfaat yang diperoleh oleh peserta atau petani bergantung dengan syarat kontrak dan sikap, ciri dan ketetapan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, disebabkan potensi mendapat manfaat terhadap penyertaan dalam sistem pertanian kontrak, maka dilaporkan bahawa bilangan peserta dalam sistem secara umumnya mengalami peningkatan dari tahun 2002 hingga 2003. Sebagaimana yang digambarkan di dalam Jadual 1, terdapat penyertaan petani dalam sistem pertanian kontrak di Sabah menunjukkan peningkatan di antara tahun 2002 hingga 2003. Namun demikian, secara khusus data menunjukkan penyertaan petani dalam pemeliharaan lebah madu, jagung manis, kacang dan cendawan mengalami penurunan bagi tempoh yang sama. Ini bermakna, masih ada ruang penambahbaikan terhadap strategi pembasmian kemiskinan di Sabah menggunakan sistem pertanian kontrak ini. Antara sebab yang biasanya dikaitkan dengan penurunan penyertaan petani dalam sistem ini ialah masalah sikap, bencana alam dan kegagalan pihak kerajaan memainkan peranan secara agresif dalam usaha membantu melangsungkan kerjasama antara pihak kontraktor dan petani. Namun begitu, perlu diakui juga bahawa pelaksanaan sistem pertanian kontrak ini telah memainkan peranan penting dalam usaha menangani masalah kemiskinan di Sabah.

## Kesimpulan

Sektor pertanian merupakan bidang yang telah memainkan peranan penting dalam usaha pembasmian kemiskinan di Sabah, terutamanya dengan pengenalan sistem pertanian kontrak. Sistem pertanian kontrak ini diperkenalkan sebagai satu kaedah khusus bagi memastikan para petani atau penduduk luar bandar untuk mendapatkan peluang dari segi sokongan kewangan, khidmat kepakaran dan sokongan pembeli. Malahan, sistem ini dianggap sebagai salah satu kaedah yang amat berpotensi untuk membantu menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh pemilik tanah di kawasan luar bandar di Sabah dan dapat mengurangkan serta akhirnya mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan mereka. Usaha ini jika terus dilaksanakan dengan baik, disokong dan diterima oleh kelompok sasaran, maka sudah semestinya akan mampu mentransformasikan masyarakat desa daripada masyarakat yang sering diselubungi kemiskinan kepada masyarakat yang maju melalui aktiviti pertanian.

## Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan geran penyelidikan UMS (SBK0408-2018).

## Rujukan

- Ationg, R. Guinness, P., Ibrahim, M.A., Esa, M.S., Rahman, S.A., Hiew, W. & Tung Moi, C. (2020). Federal Politicians and the Expansion of Ethnic Politics through Demographic Character Change in Sabah. *TEST: Engineering and Management*, 83, 12726-12740.
- Ationg, R. & Guinness, P. (2020). The Transferability of Ethnic Politics: A Theoretical Perspective. *TEST: Engineering and Management*, 83, 12741-12755.
- Bryden, J.M. (2000). *Structural Changes in Rural Europe*. University of Aberdeen, Scotland: The Arkelton Centre for Rural Development Research.
- Firth, R. (1966). *Malay Fisherman: Their Peasant Economy*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Farmer's Association Board. (2003). *Laporan Hasil Projek Kelompok Padi Komersil*. Kota Kinabalu: Lembaga Pertubuhan Peladang
- Fortmann, C. (1990). Women's Role in Small Farm Agriculture. In Altieri, M.A. & Hecht, S.B. (eds.). *AgroEcology and Small Farm Development*. California: CRC Press.
- Golingi, F. & Ismail, D. (1988). Opportunities for Smallholders to Participate in the Modern Agricultural Sector. In Chuan, T. T. & Yee, W. (eds.) *Towards Modernizing Smallholding Agriculture in Sabah*, Proceedings of a Symposium held at Keningau, Sabah on January 16-17, 1986.
- Gunting, R. & Khoo, A. (1991) Koperasi Pembangunan Desa's Experience in Rural Development. In Mohd. Yaakub, J. (eds.). *Issues and Strategies in Rural Development*, Sabah: Institute for Development Studies.
- Heer, M.D. & Grigsby, J.S. (1992). *Society and Population*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Ishak, S. (1995). *Pembasmian Kemiskinan di Sabah: Kemajuan Hingga Kini dan Prospek Masa Depan*, Bengkel Pembasmian Kemiskinan di Sabah (4-5 April), Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah.
- Kurup, J. (1988). Rural Development in Sabah: The Need for a New Direction. In Chuan, T. T. & Yee, W. (eds.) *Towards Modernizing Smallholding Agriculture in Sabah*, Proceedings of a Symposium held at Keningau, Sabah on January 16-17, 1986.
- Kurus, Bilson (1994). Review on the role and functions of the local chieftain system in Sabah. *Borneo Review*, 5(1), 1-21.

- Macionis, J.J. (1997). *Sociology*. Upper Sadle River, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Mai, U. (1994). The Local Association as a Modern Institution of Socialization. In Bucholt, H. & Mai, U. (eds.). *Continuity, Change and Aspirations: Social and Cultural Life in Minahasa*, Indonesia. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Malaysia. (2001). *Population and Housing Census of Malaysia, 2000*. Department of Statistics Malaysia.
- Malhi, R.S. (2000). *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mansur, Tola & Ationg (2009). Contract Farming System: A Tool to Transforming Rural Society in Sabah. MPRA: Munich Personal RePEc Archive, Paper No. 13271.
- Marten, G.G. (1990). Small-Scale Agriculture in Southeast Asia. In Altieri, M.A. & Hecht, S.B. (eds.). *AgroEcology and Small Farm Development*. California: CRC Press.
- Ministry of Agriculture, Malaysia. (1993). *National Agricultural Policy, 1992 -2010*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Mohd Yaakub, J. (1991). *Issues and Strategies in Rural Development Planning*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies.
- Mohd Yusof Kadim & Berma, M. (2003). *Social Capital and Poverty Eradication in Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah, A.K. (2004). *Malaysia towards Developed Country Status*. Paper Presented at The National Economic Action Council (MTEN) Forum in Kota Kinabalu, Sabah.
- Rural Development Corporation. (2004). *Koperasi Pembangunan Desa (KPD): Increasing Agricultural Production via Contract Farming with Smallholders*. Kota Kinabalu: Kompleks Ibu Pejabat KPD.
- Sabah. (1995). *Outline Perspective Plan Sabah 1995 – 2010*. Kota Kinabalu: Jabatan Cetak Kerajaan.
- Sarris, A. & Shams, H. (1991). *Ghana under Structural Adjustment: The Impact on Agricultural and the Rural Poor*. New York: New York University Press.
- Sinajin, J.S. & Uebelhor, K. (1996). Local Communities and Sustainable Forest Management in Sabah: A Preliminary Concept for Integration, *Borneo Review*, 7(1), 1-22.
- Sivalingam, G. (1993). *Malaysia's Agricultural Transformation*. Selangor: Pelanduk Publication.
- Warning, M. & Wendy, S.H. (2000). *The Impact of Contract Farming on Income Distribution: Theory and Evidence*. Paper Presented at the Western Economics Association International Annual Meeting, 2000, June 30.
- Wilson, P.J. (1967). *A Malay Village and Malaysia: Social Values and Rural Development*. New Haven: Human Relations area Files Press.
- Yapp, W. Ooi, S.T. & Gill, S.S. (1988). Approach to Rural Development in Sabah. In Chuan, T.T. & Yee, W. (eds.) *Towards Modernizing Smallholding Agriculture in Sabah*, proceeding of a Symposium held at Keningau, Sabah on January 16-17, 1986.
- Yapp, W., Abd. Rahman, A.W., Shim, Y.L. & Yeo, B.K. (1999). An Overview of the Food Industry in Sabah: In the Way Ahead. In Fung, S., Johnia, F. & Simia, Z. (1999). *The Food Sector in Sabah: Prospects and Opportunities*. Working Paper Presented at the Workshop and Seminar on the Food Industry in Sabah (11 – 12, August 1998)) and Seminar on Investment in the Food Industries in Sabah (15 October 1998). Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah).
- Zulkifly, M. (1989). Agricultural Transformation and Rural Development in Sabah: aspects of Structural Change and Poverty among Rural Communities. *Sumber*, 5, 43-67.

Zulkifly, M. (1992). In Situ Rural Development in Sabah. In King, V. & Nazaruddin M.J. (eds.) *Issues in Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka – Kementerian Pendidikan Malaysia. pp 68-81.